



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Rugi hampir RM500,000 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 20 August 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

Rugi hampir RM500,000 diperdaya Macau Scam

Setiu: Seorang guru wanita kerugian hampir RM500,000 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam.

Kejadian bermula 22 Mac lalu apabila mangsa berusia 45 menerima panggilan daripada individu mengaku sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai serta memiliki syarikat yang di-

daftar di bawah namanya.

Ketua Polis Daerah Setiu, Deputy Superintendan Afandi Hussin, berkata selepas mangsa menafikannya, panggilan kemudian disambungkan kepada seorang lagi individu yang mengaku daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuantan.

Katanya, individu itu memaklumkan kononnya pegawai polis dari Bukit Aman menyatakan

mangsa terbabit pengubahan wang haram, selain aktiviti pnyalahgunaan dadah.

Diminta isi maklumat

“Mangsa kemudian diarahkan memuat turun aplikasi Bank Negara Malaysia (BNM) dan diminta mengisi maklumat peribadi, termasuk berkaitan bank miliknya dalam aplikasi berkenaan.

“Mangsa kemudian diarah

membuat pinjaman kononnya wang berkenaan adalah dana bersih untuk siasatan dinyatakan.

“Tanpa mengesyaki apa-apa, mangsa membuka akaun sebelum pinjamannya diluluskan dan sekali lagi diminta mengisi maklumat peribadi ke dalam aplikasi BNM,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Afandi berkata, mangsa mengesyaki menjadi mangsa pe-

nipuan selepas melayari laman web IPK Kuantan yang memaparkan terdapat aktiviti penipuan dijalankan seperti dialaminya pada 11 Ogos lalu.

Katanya, mangsa yang menyedari kerugian RM448,000 kemudian membuat laporan di Balai Polis Penarik untuk tindakan lanjut dengan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.